



## **TEKS UCAPAN**

**PERHIMPUNAN BULANAN RISDA BIL.05/2017**

**"MERAKYATKAN PERKHIDMATAN DIGITAL"**

**OLEH:**

**YBHG. DATO' WAN AHMAD SHABRI ZAINUDDIN BIN WAN MOHAMAD  
KETUA PENGARAH RISDA**

**AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH  
IBU PEJABAT RISDA**

**6 JUN 2017(SELASA)  
9.00 PAGI**

- I. Yang dihormati Saudara Pengerusi Majlis,
- II. Yang Berbahagia En. Nasarudin Bin Malek  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA
- III. Yang Berbahagia En. Abdullah bin Zainal  
Pengarah Pejabat Ketua Pengarah Menjalankan Tugas Timbalan  
Ketua Pengarah Pengurusan dan Korporat RISDA
- IV. Yang Berusaha Pn. Hjh. Tk. Suriani Bt Tk. Anuar Zainal  
Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat  
Selaku Hos Perhimpunan Bulanan RISDA Bil 5 Tahun 2017
- V. Yang Berbahagia Tn. Hj. Meor Mohd Zamnis Bin Meor Hassan  
Ketua Pegawai Eksekutif RISDA Holdings Sdn. Bhd.

- VI. Pengarah-Pengarah Bahagian /Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA
- VII. Tuan-tuan dan Puan-puan warga RISDA yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh**  
**Salam Negaraku Malaysia**

1. Alhamdulillah, pertamanya marilah kita sama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berhimpun pada pagi ini bagi menyempurnakan Majlis Perhimpunan Bulanan RISDA Bil. 5 Tahun 2017, yang dihoskan oleh Bahagian Teknologi Maklumat dengan tag-line '**MERAKYATKAN PERKHIDMATAN DIGITAL**' .

Sebagaimana yang kita telah saksikan dalam slot persembahan ‘Tahukah Anda’ sebentar tadi, infrastruktur dan aset ICT yang terdapat di RISDA menunjukkan bahawa RISDA telah bersedia untuk menyambut cabaran era digital masa kini.

Saya percaya program-program ICT yang telah dilaksanakan di RISDA terarah kepada perkhidmatan digital.

Para hadirin sekalian,

2. **'MERAKYATKAN PERKHIDMATAN DIGITAL'** adalah selaras dengan hasrat kerajaan bagi menyokong kejayaan pelaksanaan Program Transformasi Nasional dan mempertingkatkan impak perkhidmatan terhadap sistem penyampaian yang meletakkan kepentingan rakyat khususnya pekebun kecil sebagai keutamaan paling tinggi dalam sistem penyampaian RISDA.

Bagi memastikan penggunaan ICT di RISDA mendapat manfaat dan menghasilkan impak signifikan ke arah perkhidmatan digital, beberapa perkara boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan:-

- Perkhidmatan Digital Bersepadu
- Kerajaan Berpacukan Data
- Perkhidmatan Guna Sama & Pengukuhan
- Keselamatan Siber
- Tadbir Urus ICT
- Modal Insan Yang Profesional dan Berkeupayaan

Bagi mewajarkan keupayaan pembangunan keseluruhan program ICT dan objektif Kerajaan Digital secara lebih terancang dan bersepadu, Agensi adalah digalakkan untuk mempertimbangkan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), implikasi kos yang optimum dan tempoh masa pembangunan projek yang segera sentiasa diterapkan ke dalam setiap inisiatif ICT yang akan dilaksanakan di semua peringkat di RISDA.

3. Bahagian Teknologi Maklumat bertanggungjawab untuk menyediakan segala perancangan program pengkomputeran RISDA sejajar dengan

perancangan dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat RISDA. BTM berperanan menyediakan kemudahan ICT yang sesuai bagi keperluan seluruh kakitangan RISDA untuk membantu memberi kemudahan segala aktiviti dan program melalui sistem berkomputer secara lebih bersistematik dan berbentuk digital seperti :

- Membangunkan dan menyenggara sistem aplikasi
- Menyediakan keperluan infrastuktur dan perkakasan ICT
- Menyediakan khidmat bantuan teknikal kepada seluruh Pusat Tanggungjawab

- Melaksanakan program-program ICT kerajaan yang diperkenalkan dari semasa ke semasa
4. Di dalam era di mana ICT memainkan peranan yang besar hampir dalam kesemua bidang; RISDA perlu lebih mengeksploitasi ICT bagi mempertingkatkan lagi produktiviti getah dan aktiviti keusahawanan yang merupakan bisnes utama RISDA pada masa kini. BTM telah membantu membangunkan beberapa aplikasi untuk menjayakan program-program pembangunan RISDA seperti :

- 4.1 Aplikasi eP3 yang dibangunkan yang membantu dan memantau produktiviti getah berbanding keberkesanan latihan GAP yang dijalankan.
- 4.2 Portal UsahawanRISDA.com membolehkan para usahawan RISDA dikumpulkan setempat secara maya bagi menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan.
- 4.3 Pelaksanaan RaFIS ( *RISDA Financial Information System* ) – Sistem yang dibangunkan secara dalaman merupakan aplikasi kewangan yang mematuhi kriteria SAGA. Ia dijangka dipersijilkan pada akhir tahun 2017.

4.4 Sistem e-SPEK yang akan menggantikan Sistem Maklumat Pekebun Kecil merupakan satu sistem yang mewujudkan pangkalan data yang komprehensif yang menyimpan profail pekebun kecil dan adalah diharapkan RISDA menjadi ‘custodian’ kepada data pekebun kecil Negara pada masa hadapan.

Saya yakin dan percaya dengan terlaksananya sistem-sistem utama yang menjana pelbagai bentuk data, pada satu masa nanti pangkalan ‘BIG DATA’ yang sedang hangat diperkatakan dalam industri ICT pada masa kini akan terhasil.

5. Tahniah juga diucapkan kepada BTM, kerana Aplikasi TSOonline yang dibangunkan secara dalaman mampu bersaing diperingkat nasional. Aplikasi TSO telah beberapa kali muncul Johan dalam pertandingan berikut :-
  - 5.1 Majlis Anugerah Inovasi KKLW 2016 bagi Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam Kategori Pengurusan
  - 5.2 Pertandingan National Innovation and Invention Competition through Exhibition (iCompEX'17) bagi Kategori Perkhidmatan dan Pemasaran.

Para hadirin sekalian,

6. Dengan komitmen yang telah ditunjukkan, saya menaruh sepenuh keyakinan dan harapan kepada Bahagian Teknologi Maklumat RISDA agar meneruskan usaha murni sebagai penyumbang utama ke arah kejayaan RISDA selaras dengan hasrat YB Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk Membandarkan Luar Bandar bersama dengan *tag-line* ‘Merakyatkan Perkhidmatan Digital’.

Akhir kata, tahniah kepada Bahagian Teknologi Maklumat dan seluruh Jawatankuasa kerja yang telah menjayakan perhimpunan pada pagi

ini. Tidak lewat bagi saya juga untuk mengucapkan Selamat Menyambut Ramadhan Al-Mubarak kepada semua warga RISDA.

**Sekian,**

**Wabillahitaufik Walhidayah,**

**Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.**